

20/04/1999

Tiga persatuan bantu tangani pelajar terbabit demonstrasi

KUALA LUMPUR, Isnin - Persatuan Pendidik Malaysia (PPM); Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), institusi pengajian tinggi awam akan bersatu membantu kerajaan menangani pembabitan pelajar dalam gerakan demonstrasi dan rusuhan.

Presiden PPM, Tan Sri Dr Awang Had Salleh, berkata orang ramai turut berasa sedih dengan tindakan pelajar yang terbabit dalam gerakan reformasi dan rusuhan.

"Saya gusar dengan situasi sekarang kerana ada pelajar yang dipergunakan oleh pihak tertentu untuk menimbulkan keadaan tidak tenteram dalam negara.

"Ini adalah kegiatan tidak sihat dan perlu dibendung segera supaya keamanan dapat terus dikekalkan," Katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang berasa amat sedih kerana ada pelajar yang terbabit dengan tindakan rusuhan di sekitar ibu kota semalam.

Menurut Dr Awang Had, PPM sentiasa menasihati mereka supaya bertindak dengan bijaksana dan menggunakan saluran yang sah dalam melahirkan perasaan tidak puas hati kerana itu lebih bersesuaian.

Setiausaha Agung GPMS, Syed Anuar Syed Mohamad, berkata satu usaha bersama di antara GPMS dan MPP sedang diaturkan dan ini adalah agenda utama kami bagi dijadikan landasan kepada pelajar menyampaikan suara mereka.

"Dalam pertemuan dengan Perdana Menteri, baru-baru ini, pihaknya ada membincangkan perkara itu dan diharapkan selepas kemasukan semester Mei 1999 agenda itu dapat dijalankan.

"Kami akan bersua dengan MPP dan diharapkan mereka dapat bertindak dari dalam sebagai perantara dengan memperjelaskan kedudukan situasi sebenar sekarang kepada pelajar lain," katanya.

Sementara itu, Presiden MPP Universiti Malaya (UM), Borhan Cik Daud, berkata pihaknya masih belum mendapat laporan Jabatan Hal Ehwal Pelajar sama ada ahlinya yang ditangkap polis kerana terbabit dalam rusuhan.

"Saya ingin memperjelaskan, MPP tidak pernah menyokong tindakan rusuhan pelajar yang bertindak keterlaluan dan melampaui batas. Mereka yang terbabit adalah bertindak di atas tiket individu dan tidak membabitkan MPP.

"Saya sedih kerana banyak pihak menuduh kami di MPP bertindak sebagai dalang kepada tindakan demonstrasi pelajar berikutan hukuman yang dijatuhi ke atas Datuk Seri Anuar Ibrahim," katanya.

Ditanya mengenai usaha pihaknya dalam menangani masalah itu, beliau berkata MPP menggunakan akhbar Suara Siswa UM bagi menyampaikan maklumat kepada pelajar dan diharap pelajar dapat bertenang dengan tidak bertindak mengikut perasaan.

Presiden MPP Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Faizal Mahamud, berkata tidak dapat dinafikan adanya pembabitan pelajar dalam gerakan demonstrasi menentang kerajaan baru-baru ini.

"Kami di sini berpendirian tegas tidak menyokong apa-apa tindakan rusuhan dan demonstrasi yang membabitkan pelajar kerana ia melanggar undang-undang. Ia juga tidak dapat mengubah keadaan dan hanya memburukkan imej dan nama baik universiti.

"Saya ingin membuat penjelasan, mengikut laporan yang diterima tidak ada pelajar UKM terbabit dan ditangkap polis semasa gerakan reformasi pelajar," katanya ketika dihubungi.

(END)